

MENEROKA AMALAN GPI TERHADAP PEMBELAJARAN HIBRID MENGUNAKAN KAEDAH *FLIPPED CLASSROOM* (KELAS BERBALIK) DI SEKOLAH MENENGAH

EXPLORING GPI'S PRACTICE ON HYBRID LEARNING USING THE FLIPPED CLASSROOM METHOD IN SECONDARY SCHOOL

Habsah Md Usop¹ & Ab. Halim Tamuri²

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

zarazaffran@gmail.com¹ & abhalim@ukm.edu.my²

ABSTRACT

The spread of the Covid-19 epidemic has caused face-to-face learning methods to be changed to online learning methods and flipped class learning methods have also been introduced. This method is seen as very flexible in creating lifelong learning in the future. Thus, this study aims to explore GPI's practice of hybrid learning using the flipped classroom method in secondary schools. A qualitative study that uses this case study design has selected two Islamic Education Teachers (GPIs) as study participants based on strict criteria, which is by choosing GPIs who use the flipped classroom method as much as possible. This is because most GPIs only use this method during the MCO through online learning since this method has been recommended by the MoE in the home teaching and learning manual (PdPr) during the implementation of the Movement Control Order (MCO). This semi-structured interview was analyzed using Atlas.ti software version 22. The findings of the study show that there are three main phases that appear in GPI's practice of hybrid learning using this flipped class method. Among them are activities before class, activities during class and activities after class. Finally, the implications of this study are expected to be used as a guide by GPI and new researchers in understanding and implementing hybrid learning practices using the flipped classroom method.

Keywords: *Practice, hybrid, flipped classroom.*

ABSTRAK

Penularan wabak Covid-19 telah menyebabkan kaedah pembelajaran secara bersemuka telah ditukarkan kepada kaedah pembelajaran atas talian dan kaedah pembelajaran kelas berbalik juga diperkenalkan. Kaedah ini dilihat sangat fleksibel dalam mewujudkan pembelajaran sepanjang hayat pada masa hadapan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneroka amalan GPI terhadap pembelajaran hibrid menggunakan kaedah kelas berbalik di sekolah menengah. Kajian kualitatif yang menggunakan rekabentuk kajian kes ini telah memilih dua orang Guru Pendidikan Islam (GPI) sebagai peserta kajian berdasarkan kriteria yang ketat iaitu dengan memilih GPI yang menggunakan kaedah kelas berbalik secara maksima. Hal ini kerana kebanyakan GPI hanya menggunakan kaedah ini semasa PKP melalui pembelajaran atas talian memandangkan kaedah ini telah disarankan oleh pihak KPM dalam manual pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPr) semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Temu bual yang dijalankan secara separa struktur ini telah dianalisis menggunakan perisian Atlas.ti versi 22. Dapatan kajian menunjukkan, terdapat tiga fasa utama yang muncul dalam amalan GPI terhadap pembelajaran hibrid menggunakan kaedah kelas berbalik ini. Antaranya ialah aktiviti sebelum kelas, aktiviti semasa kelas dan aktiviti selepas kelas. Akhirnya, implikasi kajian ini diharap dapat dijadikan panduan

oleh GPI dan penyelidik baru dalam memahami dan melaksanakan amalan pembelajaran hibrid menggunakan kaedah kelas berbalik.

Kata Kunci: Amalan, hibrid, *flipped classroom* (kelas berbalik)

PENGENALAN

Perkembangan teknologi maklumat telah memberi kesan yang sangat besar dalam bidang pendidikan. Justeru, tidak hairanlah teknologi maklumat menjadi alat sokongan penting dalam media pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) guru di sekolah. Hal ini telah disokong oleh Rogayah dan Mohamad Aderi (2016); Shah Rulbani Zakaria et.al (2017) yang mengatakan bahawa teknologi maklumat benar-benar mempengaruhi aspek PdPc guru di dalam bilik darjah. Sehubungan dengan itu, warga pendidik disarankan untuk mengadaptasikan teknologi tersebut dalam PdPc agar pembelajaran murid lebih menarik dan berkesan. Antara kaedah yang disarankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ialah pelaksanaan model pembelajaran hibrid di sekolah kerana sistem ini berpotensi menjadi pembelajaran masa depan yang sangat relevan dengan perkembangan dunia semasa. KPM turut mengatakan bahawa teknologi maklumat sangat penting untuk meningkatkan tahap kualiti pendidikan terutamanya dalam menilai kualiti guru melalui anjakan ke tujuh yang telah termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM 2013-2025), (KPM 2013; Shah Rulbani et al. 2017). Antara empat model yang terkandung dalam pembelajaran hibrid, model kelas berbalik dilihat lebih terkenal kerana kaedah ini dapat meringankan tugas guru terutamanya dalam pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD).

Pelan Transformasi ICT KPM 2019-2023 memberi gambaran yang jelas mengenai persekitaran ICT dan hala tuju dalam sistem pendidikan negara (KPM 2019). Pelan ini turut memperincikan mengenai strategi pelaksanaan, tempoh masa dan langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh KPM bagi memenuhi aspirasi tersebut bagi tahun-tahun mendatang. Sehubungan dengan itu, pada tahun 2022 pihak KPM telah memperkasakan pendidikan digital negara dengan melaksanakan projek rintis 550 kelas hibrid di 110 buah sekolah. Kajian membuktikan bahawa kaedah pembelajaran hibrid ini telah berjaya dilaksanakan di peringkat universiti dan Institut Pengajian Tinggi (IPT). Menurut Nur Aisyah Mohd Saufi et al. (2022), kaedah pembelajaran hibrid ini telah memberikan kesan yang positif kepada semua warga universiti termasuklah para pelajar, pensyarah dan juga pihak pengurusan. Justeru, kesan daripada penularan wabak Covid - 19, KPM memandangkan serius tentang keperluan pembelajaran alternatif bagi mengelakkan keciciran murid serta menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat. Kajian lepas menunjukkan, tahap penggunaan perisian pelbagai media dalam kalangan GPI masih berada pada tahap sederhana (Muhammad Zulazizi Mohd Nawi 2020). Hal ini kerana kebanyakan GPI lebih berusia dan sukar untuk menerima perubahan dan mempelajari kemahiran penggunaan ICT. Sarah Alia Mohamed Faisal dan Nor Hafizah Adnan (2021) mendapati, tahap kesediaan dan penerimaan guru dalam mengaplikasikan teknologi digital 4.0 dalam PdPc masih berada pada tahap sederhana. Hal ini turut dipersetujui oleh Maimun Aqsha Lubis et al. (2017), di mana hasil kajiannya mendapati, kesediaan GPI dalam mengaplikasikan teknologi maklumat berada pada tahap yang sama iaitu sederhana tinggi. Oleh hal yang demikian, pihak KPM khasnya Bahagian Pendidikan Islam (BPI), KPM perlu menambah baik dasar-dasar sedia ada serta menggubal dasar-dasar baru yang akan memberi nilai tambah dalam kemahiran pedagogi guru.

Kebanyakan GPI lebih suka menggunakan kaedah tradisional berbanding kaedah moden yang menerapkan teknologi maklumat sebagai media utama dalam PdPc murid di dalam bilik darjah. Kenyataan ini disokong oleh Muhammad Zulazizi Mohd Nawi et al. (2020) dalam kajiannya bahawa GPI kurang menggunakan aplikasi teknologi maklumat dalam PdPc. Umum mengetahui kepelbagaian aplikasi dan kaedah pengajaran menggunakan teknologi maklumat mampu menarik minat murid terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran guru-guru di sekolah. Antaranya ialah unsur-unsur hipermedia yang mempunyai suara, bunyi, animasi dan sebagainya mampu menguatkan daya ingatan murid (Maimun et.al 2011; Siti Zaharah Mohit et.al 2018). Justeru, GPI perlu mempersiapkan diri dengan kemahiran dan pengetahuan tentang kaedah terkini dalam PdPc agar dapat merealisasikan dasar-dasar pendidikan negara dan menghasilkan modal insan minda kelas pertama yang mampu bersaing di peringkat global.

Antara jurang yang paling ketara dalam kajian ini ialah mengenai kesediaan GPI dalam mengintegrasikan teknologi semasa PdPc. Kajian yang dijalankan oleh Sapie Sabilan et al. (2022) telah menunjukkan bahawa, tahap kesediaan GPI dalam melaksanakan kaedah pembelajaran hibrid berasaskan kemahiran teknologi adalah pada tahap sederhana rendah. Hal ini jelas menunjukkan, GPI bersifat pasif terhadap teknologi. Malah, terdapat segelintir daripadanya ketinggalan ke belakang berbanding guru-guru yang lain di arus perdana. Pendapat ini turut disokong oleh Muhammad Zulazi Mohd Nawi dan Azmil Hashim (2021) dalam kajiannya di mana hasil kajian menunjukkan, tahap kesediaan guru terhadap pelantar multimedia berada pada tahap yang lemah. Justeru, GPI perlu bersifat lebih terbuka dan bersedia untuk menerapkan penggunaan teknologi dalam PdPc kerana teknologi bukanlah suatu perkara yang *bidaah* (pembaharuan dalam Islam) seperti yang pernah diwar-warkan pada satu ketika dulu oleh segelintir alim ulama yang bersifat *jumud* (kebekuan).

Seterusnya, kajian kualitatif untuk meneroka amalan GPI terhadap pembelajaran hibrid menggunakan kaedah kelas berbalik di sekolah menengah ini amat kurang dijalankan oleh pengkaji lepas. Kebanyakan kajian lebih banyak berfokus kepada keberkesanan, tahap pengetahuan dan sebagainya. Sebagai contoh, Andrew Emparan et al. (2021) ingin melihat pandangan guru terhadap kaedah kelas berbalik dalam kemahiran menulis karangan. Manakala kajian Nina Mohd Idrus dan Nurfaradilla Mohamad Nasri (2021) pula, adalah mengenai keberkesanan kaedah kelas berbalik dalam PdPc Bahasa Melayu. Kebanyakan kajian lebih tertumpu kepada mata pelajaran Sejarah, Bahasa Melayu, Matematik, Pendidikan Moral, Sains, Bahasa Arab, Bahasa Inggeris dan sebagainya. Namun, kajian dalam mata pelajaran Pendidikan Islam amat kurang dijalankan di Malaysia. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka amalan GPI terhadap pembelajaran hibrid menggunakan kaedah kelas berbalik di sekolah menengah.

AMALAN GPI TERHADAP PEMBELAJARAN HIBRID MENGGUNAKAN KAEDAH KELAS BERBALIK

Kaedah pembelajaran hibrid bukanlah satu kaedah baharu di Malaysia. Malah, ianya telah lama diterapkan dalam sistem pendidikan tinggi. Namun, sejak penularan Covid-19, kaedah ini menjadi terkenal sebagai kaedah pembelajaran alternatif pada musim pandemik. Menurut Nahed Abdelrahman (2016), kaedah pembelajaran hibrid merupakan satu kaedah peralihan yang membuka ruang untuk memanfaatkan dua kaedah pembelajaran secara sekaligus iaitu pembelajaran bersemuka dan atas talian. Definisi yang sama ini turut dinyatakan oleh Thorne (2003); Afif Rahman Riyandal et al. (2022) yang mengatakan bahawa pembelajaran hibrid sebagai pembelajaran gabungan antara dalam talian dan tradisional. Daripada empat model yang

dikemukakan dalam sistem pembelajaran hibrid, Model kelas berbalik (*Flipped Classroom Model*) menjadi kaedah PdPc yang terkenal pada tahun 2019. Pada masa yang sama, pihak KPM turut menyarankan dalam manual pengajaran dan pembelajaran di rumah 2.0 (Pdpr 2.0) supaya guru-guru menggunakan kaedah kelas berbalik dalam PdPc secara hibrid.

Menurut Noora Hamdan et al. (2012), kelas berbalik merupakan satu kaedah yang menukarkan pembelajaran secara berkumpulan kepada aktiviti pembelajaran secara individu di luar waktu persekolahan. Dengan ini, guru dapat menjimatkan masa untuk melakukan aktiviti kolaboratif, menjalankan penilaian dan PBD. Selain itu juga, kaedah ini turut dikenali sebagai kaedah pembelajaran yang berpusatkan murid. Noora Hamdan et al. (2012) turut mengatakan bahawa melalui kaedah ini murid dapat meneroka bahan pembelajaran yang telah disediakan oleh guru secara sendiri. Hal ini secara tidak langsung mengajar murid supaya lebih berdikari dan lebih menghargai ilmu yang diperolehi. Manakala menurut Md Fadzil Masri dan Zamri Mahamod (2020), kaedah kelas berbalik ialah satu kaedah yang memerlukan murid menguasai sesuatu tajuk pembelajaran terlebih dahulu secara sendiri di rumah dan akan membentuk pengetahuan sedia ada murid yang akhirnya akan memberi nilai tambah kepada guru dalam aktiviti PdPc di dalam bilik darjah. Dengan ini jelas menunjukkan bahawa walaupun murid belajar secara sendiri di rumah, tetapi kaedah ini masih mengutamakan guru sepenuhnya sebagai pemudahcara dan pembimbing dalam PdPc.

Kaedah kelas berbalik ini turut dikenali sebagai *inverted classroom* (bilik darjah songsang). Mula diperkenalkan pada tahun 2000 oleh dua orang guru kimia bernama Jonathan Bergmann dan Aaron Sams (Mohd Zamri Abdullah et al. 2019; Baker 2000; Lage et al. 2000). Mereka telah berkongsi video dan aktiviti pembelajaran atas talian secara langsung semasa menjalankan proses PdPc di dalam kelas dan dimuat naik dalam saluran youtube. Hal ini bertujuan untuk memudahkan murid-murid yang tidak hadir ke sekolah kerana menyertai aktiviti di luar sekolah supaya tidak ketinggalan dalam pelajaran. Kaedah ini akhirnya telah diterima dan diguna pakai dalam sistem pendidikan di seluruh dunia dalam pelbagai mata pelajaran termasuk Pendidikan Islam. Justeru, penerapan kaedah kelas berbalik dalam mata pelajaran Pendidikan Islam ini bukanlah sesuatu yang asing lagi kerana walaupun kaedah ini telah dicetuskan oleh sarjana Barat, namun ciri-ciri yang terkandung dalam kaedah ini telah lama dipraktikkan oleh Rasulullah SAW dan para sarjana Islam. Kaedah kelas berbalik dalam perspektif Islam dapat dilihat dalam beberapa aspek penting. Antaranya ialah dalam aspek komunikasi. Komunikasi guru mesti jelas bagi memudahkan murid melaksanakan kaedah ini di rumah. Guru perlu memastikan semua murid memahami dengan jelas setiap arahan yang diberikan semasa memberikan tugasan. Shuhadak Mahmud (2019) dalam bukunya yang diterjemahkan daripada karya Ar-Rasul al- Mua'llim wa Asalibuhu fi at-Ta'lim karangan Syaikh Abdul Fattah Abu Ghuddah. Rasulullah SAW telah bersabda:

Maksudnya: *“daku dikurniakan dengan kata-kata yang ringkas (tanpa mengurangkan maknanya) kerana mengingatkan banyak perkara”*.

Hadis di atas jelas menunjukkan bahawa komunikasi guru sangat penting dalam memberikan arahan. Malah, guru disarankan untuk menggunakan ayat yang padat dan ringkas supaya mudah difahami oleh murid. Hal ini akan memberi kesan yang baik kepada murid seterusnya menjadikan matlamat dalam pelaksanaan kaedah kelas berbalik ini tercapai.

Selain itu juga, dalam kaedah kelas berbalik, guru perlu bijak memilih kaedah pengajaran yang sesuai. Kaedah tersebut perlu dipelbagaikan agar murid tidak merasa jemu. Nazirah Hamdan

dan Kamarul Azmi Jasmi (2013), mengatakan bahawa Rasulullah SAW gemar mempelbagaikan kaedah pengajaran terhadap para sahabat. Baginda telah menggunakan 13 kaedah pengajaran dalam menyampaikan ilmu kepada para sahabat dengan menggunakan al-Quran sebagai penghujahan dan sunnah-sunnahnya. Walaubagaimanapun, baginda kemudiannya akan menyesuaikan kaedah tersebut dengan wahyu yang diturunkan oleh Allah SWT. Kaedah ini akhirnya telah ditulis dan dibahaskan oleh Ibnu Khaldun dalam karyanya yang bertajuk *Al-Mukaddimah* (Pengenalan) sehingga menjadi satu teori dan model dalam sistem Pendidikan Islam dan diadaptasi dalam kaedah pengajaran pendidikan moden masa kini. Justeru, GPI turut mengadaptasi penggunaan teori Ibnu Khaldun melalui kaedah kelas berbalik dalam aktiviti PdPc.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan kaedah kajian kes *single case study* (kajian kes tunggal). Hal ini kerana menurut Othman (2007); Nur Hanani Hussin (2015), kajian kualitatif memberi penekanan kepada proses penerokaan dan makna, bersifat holistik pengembangan reka bentuk kajian, sehinggalah kepada pelaporan hasil kajian yang dijelaskan dalam bentuk penceritaan bertema secara panjang lebar. Manakala pemilihan rekabentuk kajian kes pula adalah disebabkan oleh untuk memahami dengan lebih mendalam mengenai suatu fenomena yang berlaku, peristiwa, individu, program, aktiviti atau proses unik dan khusus serta jarang berlaku tetapi menarik perhatian (Othman Talib 2019). Hal ini secara langsung akan membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat bagi memberi sokongan kepada data yang diperolehi daripada hasil kajian serta memahami sesuatu konsep dalam kajian bagi meneroka amalan GPI terhadap pembelajaran hibrid menggunakan kaedah kelas berbalik di sekolah menengah.

Jenis persampelan yang digunakan ialah persampelan bertujuan melibatkan dua orang peserta kajian. Justifikasi pemilihan dua orang peserta kajian ini adalah berdasarkan kriteria yang ketat iaitu dengan memilih GPI yang menggunakan kaedah kelas berbalik secara maksima. Hal ini kerana kebanyakan GPI hanya menggunakan kaedah ini semasa PKP melalui pembelajaran atas talian pada tahun 2020 memandangkan kaedah ini telah disarankan oleh pihak KPM dalam manual pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPr) semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat penularan wabak Covid-19. Mohd Syaubari Othman (2021) dalam kajiannya juga telah menggunakan dua orang GPI sebagai peserta kajian berdasarkan kriteria yang ketat. Malah, Azmil Hashim et al. (2017) turut sama menggunakan dua orang GPI sebagai sample kajian. Justeru, pemilihan strategi persampelan sebenarnya bergantung kepada fokus kajian dan penilaian pengkaji mengenai pelbagai pendekatan yang perlu dipilih dalam memastikan pengkaji memahami dengan lebih jelas tentang fenomena yang ingin dikaji (Othman Lebar 2022).

Selain itu juga, pemilihan peserta kajian ini adalah berdasarkan saranan daripada pegawai di Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWPKL). Ciri-ciri GPI yang dipilih adalah dalam kalangan Jurulatih Utama (JU) Pendidikan Islam dan berkhidmat lebih daripada lima tahun. Seterusnya, instrumen kajian yang digunakan adalah berbentuk temu bual separa struktur. Menurut Othman Lebar (2022), soalan dalam temu bual separa struktur telah ditentukan terlebih dahulu tetapi jawapannya lebih terbuka dan boleh dikembangkan mengikut budi bicara penemu bual dan peserta kajian. Schensul et al. (1999); Othman Lebar (2022) turut menyatakan bahawa temu bual separa struktur adalah kaedah terbaik untuk meneroka dan menjelaskan faktor-faktor dan subfaktor yang berlaku dalam kajian. Seterusnya, tempoh kajian yang dijalankan adalah selama satu bulan iaitu pada bulan Disember tahun 2022.

Terdapat beberapa kaedah yang digunakan untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan data. Antaranya ialah *member checking* (mendapatkan persetujuan peserta), triangulasi, jejak audit, bias pengkaji, *peer review* (penelitian rakan sekerja) dan pengiraan Koefisien Cohen Kappa. Berdasarkan kaedah ini, pengkaji telah melakukan *member checking* bersama peserta kajian terhadap transkrip temu bual serta cadangan mengenai tema-tema bagi meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan data. Menurut Merriam (2009); Othman (2007); Nur Hanani Hussin (2015), persetujuan daripada peserta kajian sangat penting bagi mengesahkan ketepatan data dan kesahihan maklumat yang telah diberikan. Seterusnya, daripada kaedah triangulasi pula, pengkaji telah menggabungkan dua kaedah iaitu kaedah temu bual dan juga analisis dokumen. Merriam (2001); Othman (2009); Zanaton (2011); Nur Hanani Hussin (2015) menyatakan bahawa, kaedah triangulasi bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan kefahaman yang jitu tentang tajuk kajian serta memastikan data yang diperolehi sahih dengan sokongan daripada pelbagai sumber. Akhir sekali, pengkaji menganalisis kajian ini secara tematik menggunakan perisian Atlas.ti versi 22.

DAPATAN KAJIAN

Demografi Peserta Kajian

Peserta kajian ini terdiri daripada dua orang GPI perempuan yang berumur dalam lingkungan 30 hingga 40 tahun. Kedua-duanya adalah lepasan Diploma Pendidikan KPM dalam bidang Pendidikan Islam dan mengajar di sekolah menengah. Pengkaji menggunakan nama Peserta kajian Satu (PK1) dan Peserta Kajian Dua (PK2) sebagai nama samaran. Berikut adalah demografi peserta kajian dalam bentuk jadual.

Jadual 1: Demografi Peserta Kajian

Nama	Umur	Jantina	Pengkhususan Universiti	Kelayakan Akademik	Tahap Pendidikan	Pengalaman mengajar
Peserta Kajian 1 (PK1)	36 tahun	Perempuan	Syariah (Al- Azhar)	Diploma Pendidikan (Pendidikan Islam) UIA	Ijazah Sarjana Muda	8 tahun
Peserta Kajian 2 (PK2)	34 tahun	Perempuan	Ilmu Wahyu (UIA)	Diploma Pendidikan (Pendidikan Islam) UIA	Ijazah Sarjana Muda	10 tahun

Objektif ini akan dikupas dan dibincangkan secara lebih mendalam melalui perbandingan dengan kajian dan teori daripada pengkaji sebelumnya.

Objektif

Objektif kajian ini ialah untuk meneroka amalan GPI terhadap pembelajaran hibrid menggunakan kaedah kelas berbalik di sekolah menengah. Hasil daripada analisis yang telah dijalankan, terdapat tiga dapatan utama dalam kajian ini. Antaranya ialah aktiviti sebelum kelas, aktiviti semasa kelas dan aktiviti selepas kelas.

Tema 1: Aktiviti Sebelum Kelas (*pre-class*)

Dalam melaksanakan kaedah kelas berbalik, aktiviti sebelum kelas memainkan peranan yang sangat penting. Hal ini kerana tanpa aktiviti ini kaedah kelas berbalik tidak akan dapat dilaksanakan

dengan baik. Susanti dan Hamama Pitra (2019) mengatakan bahawa, antara strategi utama dalam pelaksanaan kaedah kelas berbalik ini ialah guru perlu memberikan tugas yang berkaitan dengan tajuk yang akan dipelajari pada keesokan harinya di sekolah dalam bentuk video, youtube, web dan modul.

Video

Dalam kajian ini, kedua-dua peserta kajian didapati memberikan tugas dalam bentuk video. PK1 dan PK2 turut mengatakan penggunaan video sangat digemari oleh murid kerana mempunyai suara dan animasi yang menarik.

“Ha ah betul. Nak suruh dia baca tu susah. Kalau yang ni kan kita bagi dia masuk makmal suruh dia cari video tengok video kan. tapi makmal pun kekurangan jugak la. sekolah PK1 tu. Sebab sekolah PK1 kan kecil je kan”.

(PK1/TB1)

Namun, bagi PK2, pemberian tugas secara dalam talian hanya terbatas semasa waktu cuti sekolah sahaja, memandangkan sekolahnya adalah sekolah berasrama yang tidak mempunyai kemudahan ICT yang mencukupi.

“Erm masa tengok video kan masa kelas yang kelas hujung kelas-kelas lemah ni dia suka benda yang tengok dia tak suka benda yang bertulis tulis ni dia suka benda yang dia boleh nampak, boleh terus orang cerita..baru dia faham kan”.

(PK2/TB2)

Web

Walaupun bagaimanapun, kaedah carian dalam laman web turut digunakan bagi tajuk yang melibatkan hukum. Menurut PK1:

“buat carian dekat internet, kat mana-mana. kalau macam tajuk yang ada hukum kan. kita suruh dia tengok dekat cari dekat hukum dan alasan tu”.

(PK1/TB1)

“website ni cuba tengok dekat fatwa macam mana apa semua...diorang cari lah aaa kekadang diorang cari sendiri saya tak suruh lagi diorang dah cari”.

(PK2/TB2)

Youtube

PK1 dan PK2 turut menegaskan, dalam kebanyakan video, pembelajaran menggunakan youtube adalah sangat digemari. Hal ini kerana, menurut kedua-duanya:

“Biasanya..Suka tengok youtube sebab budak sekarang memang suka tengok youtube kan”.

(PK1/TB1)

“ye, paling suka Youtube la”.

(PK2/TB2)

Quizziz

Selain itu juga, PK2 turut memberikan tugas sebelum kelas dalam bentuk Quizziz.

“pernah jugak bagi dalam bentuk kuiz dalam talian”.

(PK2/TB2)

Modul

Walaupun bagaimanapun, PK1 dan PK2 turut menggunakan modul sebagai satu BBM semasa menjalankan aktiviti sebelum kelas dalam kaedah kelas berbalik ini. Modul telah di fotostat untuk diberikan kepada setiap murid.

“ada jugak bagi modul.kalau macam budak yang dia tak ada internet kan.PK1 pos dia punya tu.minta kat guru kelas”.

(PK1/TB1)

“bagi kerja dalam modul, esok tu baru bincang”.

(PK2/TB2)

Whatsapp

Untuk memberikan tugas ini, selain memberikan arahan dalam bentuk lisan, PK1 menggunakan aplikasi Whatsapp sebagai ‘*bahan perantara*’ untuk memberikan arahan berkaitan tugas yang diberikan sebelum kelas. Contohnya PK1 menyebut:

“Selain daripada tu Whatsap dekat telefon asrama”.

(PK1/TB1)

Telegram

Manakala PK2 pula lebih selesa menggunakan Telegram kerana dapat menyimpan data lebih besar. PK2 berpendapat:

“Telegram biasa guna telegram lah dengan google meet tu biasalah”.

(PK2/TB2)

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa kedua-dua peserta kajian melaksanakan aktiviti sebelum kelas menggunakan bahan multimedia dan modul. Ini menjadikan murid-murid akan lebih bersedia untuk mengikuti aktiviti seterusnya semasa kelas PdPc pada keesokan harinya di sekolah.

Jadual 1.0: Jenis Bahan Bantu Mengajar (BBM) bagi aktiviti sebelum kelas.

Bil.	Jenis BBM	(PK1)	PK2
1	Video	x	x
2	Youtube	x	x
3	Web	x	x
4	Quizziz		x
5	Modul	x	x
6	Whatsapp	x	x
7	Telegram		x

Tema 2: Aktiviti Semasa Kelas (*in-class*)

Set Induksi

Video

Menurut Shahabuddin et al. (2007) dalam Hamdi Ishak et al. (2012), set induksi adalah merupakan satu kaedah yang digunakan oleh guru untuk memulakan sesi pembelajaran. Kebiasaannya, set induksi digunakan untuk menarik perhatian murid dan memberi gambaran awal mengenai tajuk yang akan dipelajari. Esah Sulaiman (2010); Mohd Syaubari Othman dan Ahmad Yunus Kassim (2016) pula menyatakan set induksi adalah suatu proses kemahiran yang paling awal dalam melaksanakan PdPc. Set Induksi yang menarik akan mendorong murid untuk mengikuti proses PdPc dengan baik. PK1 dan PK2 menggunakan set induksi yang sama iaitu memulakan sesi PdPc dengan soalan-soalan mengenai tugas yang telah diberikan pada hari sebelumnya. Hal ini bertujuan untuk memastikan semua murid melakukan tugas tersebut sebelum aktiviti PdPc dijalankan. Menurut PK1 dan PK2;

“Lepas tu baru start dengan set induksi la.biasanya tanya soalan ke yang ada kaitan dengan tajuk tu.jangan bagi duduk dulu”.

(PK1/TB1)

“kadang saya bawa masuk bilik khas saya tunjuk video dulu lepas tu baru ada sesi soal jawab baru saya terangkan semula sebab kalau sekolah asrama kekangannya macam tu la”.

(PK2/TB2)

Selain daripada memulakan kelas dengan soalan, PK1 dan PK2 turut menggunakan video sebagai set induksi untuk menarik perhatian murid. Video tersebut adalah rentetan daripada tugas pada hari sebelumnya. Sebagai rumusnya, kedua-dua peserta kajian mempunyai persamaan dari sudut penyediaan set induksi. Hal ini jelas menunjukkan kedua-dua instrumen tersebut telah menjadi kebiasaan bagi setiap GPI dalam memulakan sesi PdPc di dalam bilik darjah.

Jadual 2.0: Menunjukkan jenis-jenis set induksi dalam aktiviti semasa kelas.

Bil	Jenis-jenis Set induksi	PK1	PK2
1	Soalan lisan	x	x
2	Video	x	x

Aktiviti PdPc

Aktiviti pengajaran adalah tonggak utama dalam pelaksanaan proses PdPc. Bagi memastikan aktiviti pengajaran lebih berkesan, GPI perlu bijak memilih kaedah terkini dan sesuai dengan tahap dan kebolehan sedia ada murid agar aktiviti yang dilaksanakan berjalan dengan lancar. Ab. Halim et al. (2004) telah menjalankan kajian mengenai kaedah pengajaran GPI di beberapa buah sekolah. Kajian mendapati kebanyakan GPI lebih selesa menggunakan kaedah syarahan atau kuliah dalam melaksanakan kaedah dan aktiviti pengajaran mereka. Dalam kajian ini, PK1 dilihat lebih kreatif dalam melaksanakan aktiviti pengajaran menggunakan kaedah kelas berbalik.

Pembentangan Kumpulan

Antara aktiviti yang sering dijalankan oleh PK1 dan PK2 adalah pembentangan kumpulan. Murid diberikan pilihan untuk mempersembahkan hasil pembentangan sama ada melalui power point dan Video.

Power Point


PK1 dan PK2 menjalankan aktiviti pembentangan secara berkumpulan menggunakan power point. Menurut PK1 dan PK2:

“saya lebih open dia nak buat macam mana buat bentuk video ke nak buat bentuk powerpoint ke terpulang”.

(PK2/TB2)

Triangulasi daripada analisis dokumen iaitu bahan powerpoint yang dihasilkan oleh pelajar dapat dilihat dalam Rajah 1.0 di bawah.

Rajah 1.0: Bahan powerpoint dan pembentangan pelajar



Persembahan Video

PK2 lebih terbuka dalam memberikan tugas kepada murid sama ada dalam bentuk video ataupun power point.

“saya lebih open dia nak buat macam mana buat bentuk video ke”.

(PK2/TB2)

Walaupun bagaimanapun, PK1 mempunyai beberapa lagi aktiviti yang sering dilakukan bersama para pelajarnya iaitu aktiviti berasaskan PAK21 seperti *Gallery Walk*, *Roaming the Room* dan *Penyampai Radio*.

Gallery Walk (Galeri Berjalan)

Gallery walk adalah merupakan salah satu daripada aktiviti PAK21 yang paling digemari oleh murid. PK1 mengatakan bahawa:

“Gallery walk ke..stesen bas ke”.

(PK1/TB1)

Roaming The Room (Berserakan di dalam bilik)

Roaming the Room bermaksud berselarak di dalam bilik. Aktiviti ini hanya dijalankan oleh PK1 semasa menjalankan sesi PdPc dalam bilik darjah.

“Stesen bas..lepas tu baru ni buat roaming the room”.

(PK1/TB1)

Penyampai Radio

PK1 telah menjalankan aktiviti penyampai radio. Melalui aktiviti ini murid berlakon seolah-olah berada di dalam konti radio dan perlu mengupas tajuk-tajuk yang diberikan oleh guru.

“Eh tak la..dalam 1 group.ada yang jadi hos radio tu.yang 3 lagi tu..ala dia macam forum je..Cuma dia dalam radio.nanti dia akan masuk kan la radio sinar.dia nyanyi la sikit”.

(PK1/TB1)

Justeru, hasil daripada pengamatan terhadap kedua-dua peserta kajian ini, dapatlah disimpulkan bahawa, walaupun terdapat persamaan dalam aktiviti pengajaran mereka, namun terdapat juga perbezaan disebabkan kekangan dalam aspek kemudahan ICT dan kekangan masa.

Jadual 3.0: Senarai aktiviti semasa kelas.

Bil.	Aktiviti pdp	PK1	PK2
1	Pembentangan	x	x
2	Video		x
3	Powerpoint	x	x
4	Gallery Walk	x	
5	Roaming the Room	x	
6	Penyampai Radio	x	

Penilaian

Bagi memastikan objektif PdPc tercapai, GPI perlu menjalankan aktiviti penilaian setiap kali selesai menjalankan PdPc. Penilaian dalam KSSM adalah berbentuk PBD di mana GPI perlu menjalankan penilaian secara berterusan bagi melihat perkembangan, kemajuan, kebolehan dan pencapaian murid (KPM 2019).

Kuiz Lisan

Bagi PK1 dan PK2, kebanyakan penilaian yang dijalankan adalah berbentuk soalan kuiz secara lisan.

“Lepas buat aktiviti tu biasanya kuiz, lisan, ataupun jawab soalan bertulis lah”.

(PK1/TB1)

“Ubah, biasa saya tanya-tanya ja dulu dia buat soal jawab”.

(PK2/TB2)

Soalan Bertulis (KBAT)

Namun, dalam masa yang sama PK1 dan PK2 turut memberikan soalan bertulis yang memberi penekanan kepada soalan KBAT di mana menurut beliau masih terdapat ramai murid yang tidak menguasai cara menjawab soalan KBAT dengan baik.

“aa.. biasanya..Kita kan soalan kan ada aras kan.ada budak yang dia boleh jawab sampai aras yang semua tu..yang sampai KBAT tu cukup la markah tu.ada yang tak boleh sampai KBAT jugak”.

(PK1/TB1)

“Ohh.. biasa saya tanya-tanya ja dulu dia buat soal jawab saya bagi soalan kbat haa suruh dia jawab”.

(PK2/TB2)

Dalam hal ini didapati, kedua-dua peserta kajian ini mempunyai persamaan dalam aspek penilaian selepas aktiviti PdPc dijalankan.

Jadual 4.0: Jenis-jenis aktiviti penilaian

Bil	Jenis aktiviti penilaian	PK1	PK2
1	Soalan verbal	x	x
2	Soalan bertulis (KBAT)	x	x

Penerapan Nilai

Penerapan nilai adalah tonggak utama dalam pembinaan KSSM Pendidikan Islam yang bermatlamat untuk membentuk murid sebagai hamba Allah yang berilmu, beriman, bertaqwa, beramal soleh, berakhlak mulia dan berketerampilan berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah (BPK, KPM 2017). Kedua-dua peserta kajian telah menerapkan nilai berdasarkan tajuk yang dipelajari. Mereka kebiasaannya akan mengaitkan tajuk tersebut dengan kehidupan seharian murid.

Adab terhadap Guru

Antara nilai yang ditekankan oleh PK1 ialah mengenai adab terhadap guru kerana dilihat sangat penting dalam menuntut ilmu. PK1 menyebut:

“*Hormat cikgu.adab dalam kelas tu*”.

(PK1/TB1)

Adab terhadap Ibu bapa

Adab dengan Ibu bapa merupakan elemen penting yang sering diterapkan oleh GPI di sekolah. Hal ini kerana keberkatan ilmu berkait rapat dengan keberkatan dan doa daripada kedua Ibu bapa. Justeru, PK2 sentiasa mengingatkan murid mengenai kepentingan beradab dengan Ibu bapa. PK2 menyebut:

“*Yang biasa tu motivasi la dia kaitkan dengan ibu bapa*”.

(PK2/TB2)

Amanah Hadir Ke Sekolah

PK2 juga sering mengingatkan murid tentang amanah hadir ke sekolah setiap hari yang berkait rapat dengan harapan Ibu bapa untuk melihat mereka berjaya pada masa hadapan.

“*soal amanah-amanah awak datang sekolah ni kenapa sebab diorang main-main kan so kenapa awak datang sekolah*”.

(PK2/TB2)

Jadual 5.0: Jenis-jenis penerapan nilai

Bil.	Jenis aktiviti penilaian	PK1	PK2
1	Adab dengan Guru	x	
2	Adab dengan Ibu bapa		x
3	Amanah ke sekolah		x

Tema 3: Aktiviti selepas kelas (*out-class*)

Pengayaan

Aktiviti pengayaan adalah merupakan aktiviti selepas kelas (*out-class*) dalam pelaksanaan kaedah kelas berbalik ini. Aktiviti yang dijalankan selepas sesi PdPc guru di dalam bilik darjah akan dapat mendorong pelajar untuk membina kemahiran berfikir secara kritis berdasarkan pengalaman pembelajaran sebelumnya (Farah Mohamad Zain dan Siti Nazuar Sailin 2019).

Latihan kerja rumah

Dalam kajian ini, aktiviti pengayaan dilakukan oleh PK1 dan PK2 dengan cara memberikan latihan sebagai kerja rumah. PK1 dan PK2 menyebut:

“lepastu bagi kerja rumah la untuk aktiviti pengayaan”.

(PK1/TB1)

“biasa bagi kerja rumah sikit je..sebab masa dorang sangat terhad.Sekolah asrama kan..balik pun dah lewat. Malam macam-macam aktiviti dorang kena buat.

(PK2/TB2)


Dengan ini, didapati kedua-dua peserta kajian lebih selesa memberikan latihan peneguhan di dalam kelas sebagai kerja rumah dan menjadi aktiviti pengayaan di luar kelas (*out class*) dalam kaedah kelas berbalik ini.

Jadual 6.0: Aktiviti Pengayaan

Bil.	Jenis aktiviti pengayaan	PK1	PK2
1	Latihan kerja rumah	x	x

Oleh itu, secara keseluruhannya, dapatan kajian ini telah membentuk beberapa fasa melalui pembinaan tema dalam Rajah 2.0.

Rajah 2.0: Kerangka dapatan kajian



Sumber: Analisis dapatan temu bual

PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat tiga fasa utama dalam amalan GPI terhadap pembelajaran hibrid menggunakan kaedah kelas berbalik. Antara fasa utama yang diperolehi daripada dapatan kajian ini ialah aktiviti sebelum kelas, semasa kelas dan selepas kelas. Bagi aktiviti sebelum kelas, hasil kajian menunjukkan PK1 dan PK2 mempunyai persamaan dalam aspek penggunaan BBM sebagai tugas. BBM yang digunakan adalah dalam bentuk video, kuiz online dan web. Kajian ini selari dengan kajian Md Fadzil bin Masri dan Zamri Mahamod (2020) yang menggunakan video dan artikel sebagai BBM untuk aktiviti sebelum kelas. Hal ini menunjukkan penggunaan video dapat menarik minat murid untuk mengikuti pelajaran dengan baik. Selain itu juga, dalam kajian Farah Mohamad Zain dan Siti Nazuar Sailin (2019), aplikasi web 2.0 dapat menyokong PdPc berasaskan kaedah kelas berbalik. Antara aplikasi yang disarankan adalah “*Powtoon, Biteable, Screencast-O-Matic, Google Doc, Nearpod, Quizlet, Padlet, EdPuzzle, Flipgrid dan Padlet*”. Walaubagaimanapun, dalam kajian ini hanya terdapat beberapa aplikasi web yang biasa digunakan oleh PK1 dan PK2 seperti *Google doc, Padlet* dan *Quizlet*. Kedua-dua peserta kajian lebih gemar menggunakan laman web mufti sebagai BBM memandangkan mata pelajaran Pendidikan Islam memerlukan rujukan yang sahih berkaitan dengan hukum dan sebagainya. Kesannya, walaupun belajar secara sendiri, murid mendapat ilmu dan maklumat yang sahih tanpa bantuan guru.

Seterusnya, bagi aktiviti semasa kelas (*in class*), PK1 dan PK2 telah memulakan sesi pdp dengan set induksi yang terdiri daripada soalan lisan dan tayangan video. Dapatan ini selari dengan kajian M.Kaviza (2019) yang turut sama menggunakan video sebagai set induksi. Keadaan ini jelas menunjukkan penggunaan video dalam set induksi dapat menarik minat murid untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai topik pembelajaran pada hari tersebut. Namun, berbeza dengan kajian Noraini Mohamed Noh (2017), guru tidak melakukan aktiviti set induksi, sebaliknya memulakan sesi PdPc dengan melakukan aktiviti seperti eksperimen, forum dan pembentangan kumpulan. Perbezaan ini jelas menunjukkan, segelintir guru mengalami masalah kekangan masa untuk menyediakan video sebagai bahan set induksi. Seterusnya, PK1 dan PK2 meneruskan aktiviti PdPc dengan menjalankan aktiviti kolaboratif melalui pelaksanaan aktiviti berkumpulan. Aktiviti yang sering dijalankan adalah aktiviti yang terkandung dalam PAK21 seperti *Gallery Walk, Roaming the Room*, Penyampai Radio, pembentangan, perbincangan kumpulan dan sebagainya. Kaedah pembentangan dan perbincangan kumpulan ini selari dengan kaedah yang digunakan oleh Mohd Zamri Abdullah et al. (2019) dalam aktiviti pengajaran di dalam kelas. Dengan ini, jelas menunjukkan kaedah kolaboratif dan pembentangan mampu meningkatkan komunikasi murid dan menjadikan pembelajaran murid lebih aktif. Walaubagaimanapun, dapatan kajian ini berlawanan dengan dapatan kajian M.Kaviza (2019) yang menjalankan aktiviti berasaskan pendekatan sendiri murid semasa menjalankan aktiviti di dalam kelas menggunakan teknik *Peer Instruction (arahan rakan sebaya)* dalam PdPc sejarah. Pemilihan kaedah ini sebenarnya bergantung kepada kebijaksanaan guru itu sendiri dan dalam menyesuaikan dengan kebolehan setiap murid.

Semasa menjalankan aktiviti PdPc di dalam kelas, GPI telah menerapkan teori yang dikemukakan oleh Ibnu Khaldun iaitu menggunakan kaedah *muhakah* (simulasi) atau *taklid* (peniruan). Melalui teori ini, murid akan memindahkan apa yang telah dilihat melalui pancaindera kepada tingkah laku berdasarkan maklumat yang telah diterima daripada guru pada hari sebelumnya. Kaedah ini dilihat selari dengan kaedah kelas berbalik di mana murid mengeluarkan semula maklumat yang diperolehi daripada guru dalam aktiviti kolaborasi dan perbincangan. Hal ini

menunjukkan bahawa pengetahuan sedia ada murid memainkan peranan yang sangat penting dalam proses PdPc. Abdullah Al-Amin Na'mi (1994); Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin et al. (2017) menyebut idea dan pemikiran Ibnu Khaldun menunjukkan pengalaman pembelajaran murid sebelumnya turut mempengaruhi aktiviti pembelajaran murid semasa PdPc.

Aktiviti peneguhan juga turut dijalankan untuk menilai kefahaman murid terhadap aktiviti pembelajaran. Aktiviti tersebut merangkumi soalan kuiz secara lisan, latihan soalan KBAT. Dapatan ini selari dengan kajian M.Kaviza (2020) yang mendapati kaedah kelas berbalik telah berjaya meningkatkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam mata pelajaran Sejarah. Hal ini menunjukkan, kebanyakan guru akan memberikan soalan latihan peneguhan berbentuk KBAT bagi memastikan murid dapat berfikir dengan kritis. Loh Ming Wen dan Abdul Razaq Ahmad (2022) turut mendapati, kaedah kelas berbalik telah berjaya meningkatkan tahap KBAT dalam kalangan murid. Dengan ini, jelas menunjukkan bahawa, pemilihan aktiviti penilaian yang baik sangat penting dalam memastikan murid-murid menguasai elemen KBAT di sekolah.

Bagi aktiviti pengayaan pula, kebanyakan guru terlepas pandang mengenai kewujudan aktiviti ini sebagai aktiviti *out-class* (luar kelas) dalam kaedah kelas berbalik. Dalam kajian ini, kedua-dua GPI telah memberikan latihan dalam aktiviti penilaian untuk disiapkan di rumah kerana kekangan masa dan pada masa yang sama latihan tersebut dijadikan sebagai latihan pengayaan selepas sesi PdPc di sekolah. Namun, kaedah yang sepatutnya berlaku adalah GPI perlu memastikan aktiviti penilaian dan pengayaan dilakukan secara terpisah memandangkan fungsi dan tujuannya juga adalah berbeza. Walaubagaimanapun, Farah Mohamad Zain dan Siti Nazuar Sailin (2019) telah mencadangkan penggunaan aplikasi *Padlet* sebagai aktiviti *out-class* (luar kelas) yang menarik untuk memberi aktiviti pengayaan kepada murid. Begitu juga Noraini Mohamed Noh et al. (2017), yang menggunakan pautan laman web untuk memberi pengayaan kepada murid. Dengan ini, jelas menunjukkan bahawa aktiviti pengayaan merupakan elemen penting dalam memastikan keberkesanan PdPc guru. Seterusnya, kejayaan melaksanakan aktiviti *out-class* (luar kelas) ini menunjukkan kaedah kelas berbalik dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan. Justeru, bagi memastikan kaedah kelas berbalik ini memenuhi anjakan ke-7 aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 iaitu memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia, GPI perlu mengintegrasikan ICT melalui kaedah kelas berbalik (KPM 2013).

Tambahan pula, pelaksanaan PBD secara harian dan mingguan terhadap setiap murid memerlukan kreativiti guru (KPM 2019). Pelaksanaan tersebut memerlukan GPI merancang PdPc dan kaedah pentaksiran yang ingin dijalankan. Menurut Saiful Abrar Zabidi dan Hafizhah Zulkifli (2021), terdapat beberapa isu dan cabaran GPI dalam pelaksanaan sistem PBD ini. Bagi menangani isu dan cabaran tersebut, GPI perlu menerapkan amalan pembelajaran hibrid menggunakan kaedah kelas berbalik kerana amalan ini merupakan kaedah pembelajaran terbaik dan menjadi model pembelajaran masa kini yang telah dibuktikan keberkesanannya oleh para pengkaji lepas.

Justeru, dalam kajian mengenai kaedah kelas berbalik ini para GPI perlu meneroka lebih banyak kaedah-kaedah PdPc terkini dalam amalan pembelajaran kelas berbalik ini supaya dapat menarik minat murid serta memberi impak yang tinggi dalam peningkatan prestasi murid sama ada dalam peperiksaan mahupun PBD. Malah, GPI juga boleh mencipta kelainan dengan mengkaji pelaksanaan kaedah kelas berbalik ini di sekolah jenis kebangsaan yang mana jumlah muridnya agak sedikit berbanding sekolah aliran biasa. Hal ini akan menyebabkan pelaksanaan

kaedah kelas berbalik ini akan lebih berkesan dan mampu meningkatkan prestasi murid di sekolah. Kajian ini akhirnya akan membantu GPI dalam memberikan panduan secara terperinci mengenai proses pelaksanaan kaedah kelas berbalik kerana penceritaannya lebih jelas seterusnya memberikan nilai tambah kepada pihak KPM dalam melahirkan guru-guru yang mempunyai kompetensi serta pengetahuan yang luas dalam profesion keguruan.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, jelaslah bahawa dalam memastikan pelaksanaan dasar Transformasi ICT KPM 2019-2023 berjaya, GPI perlu mahir dalam penggunaan teknologi terkini serta bersedia dengan sebarang perubahan dalam sistem pendidikan negara. Istilah GPI yang *jumud* (kebekuan) dan *old fashion* (kuno) perlu dihakis agar imej GPI kembali positif di mata masyarakat. Justeru, GPI perlu mempertingkatkan diri dengan ilmu dan kemahiran ICT agar setanding dengan guru-guru yang lain. Isu GPI yang sering menggunakan kaedah pengajaran konvensional perlu dilenyapkan kerana kini GPI juga mahir menggunakan teknologi terkini. Dengan ini, dapatan kajian menunjukkan perancangan yang rapi diperlukan dalam amalan GPI terhadap pembelajaran hibrid menggunakan kaedah kelas berbalik di sekolah menengah. Perancangan tersebut merangkumi amalan tiga tunjang utama dalam pelaksanaan kaedah ini iaitu aktiviti *pre-class* (sebelum kelas), *in-class* (semasa kelas) dan *out-kelas* (selepas kelas). Kaedah ini akhirnya telah membuktikan bahawa murid meneroka pembelajarannya secara sendiri, manakala GPI hanyalah sebagai pembimbing dan dalam masa yang sama menjadi muaddib ulung yang akan membentuk adab dan akhlak pelajar.

RUJUKAN

- Andrew Emparan, Rozita Radhiah Said & Roselan Baki. 2019. *Meneroka Penggunaan Teknik Flipped Classroom dalam Pengajaran Kemahiran Menulis*. International Journal of Education and Training (InjET) 5 (1): 1-8.
- Azmil Hashim, Bahariah Ab Rahman & Hamdi Ishak. 2017. *Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam dalam Bidang Tilawah Al-Quran Program Pendidikan Khas Integrasi (Masalah Pendengaran)*. Journal of Islamic and Arabic Education 9 (2): 1-11.
- Ab. Halim Tamuri & Nik Rahimi Nik Yusoff. 2010. *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Farah Mohamad Zain & Siti Nazuar Sailin. 2019. *Flipped Classroom: Implementasi Aplikasi Web 2.0 dalam Rekabentuk Pengajaran*. Seminar Wacana Pendidikan (SWAPEN 2.0).
- Hamdi Ishak, Ab Halim Tamuri, Rosadah Abdul Majid & Safani Bari. 2012. *Amalan Pengajaran Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran)*. Journal of Islamic and Arabic Education 4 (2):11-24.
- Kementerian Pendidikan Malaysia .2017. *Dokumen Standard Kurikulum Pendidikan (DSKP) Pendidikan Islam Tingkatan 4 dan Tingkatan 5*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2019. *Pelan Transformasi ICT 2019-2023*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia .2019. *Pentaksiran Bilik Darjah*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). 2013. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah*.

- Maimun Aqsha Lubis, Wan Nurul Syuhada' Wan Hassan & Mohd Isa Hamzah. 2017. *Tahap Pengetahuan dan Kesediaan Guru-Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Selangor Terhadap Penggunaan Multimedia dalam Pengajaran Pendidikan Islam*. ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J) 1(1): 1-13.
- Mohd Afifi bin Bahuruddin Setambah, Mohamed Ayob Sukani. 2019. *Pembelajaran Hibrid: Kesedaran Penggunaan Kaedah Hibrid Dalam Kalangan Pensyarah IPG Kampus Bahasa Melayu*, Jurnal Semarak Bahasa 125.
- Mohd Syaubari bin Othman. 2021. *Permasalahan Kemahiran Menetapkan Objektif Pengajaran Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam (GPI) Sekolah Rendah Berteraskan Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)*. E-Jurnal Penyelidikan dan inovasi 2 (8): 191-207.
- Mohd Syaubari Othman & Ahmad Yunus Kassim. 2016. *Keberkesanan Permulaan Pengajaran Menerusi Amalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) di Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam Sekolah Rendah Negeri Perak*. Jurnal Dalam Talian Pendidikan Islam. 4 (2).
- Md Fadzil bin Masri & Zamri Mahamod. 2020. *Keberkesanan Kaedah Flipped Classroom dalam Meningkatkan Kemahiran Mengolah Isi Karangan Murid-murid sekolah rendah*. Journal of Borneo Social Transformation Studies (JOBSTS) 6(1).
- M.Kaviza. 2019. *Persepsi penerimaan Murid terhadap Pelaksanaan Model Flipped Classroom Peer Instruction dalam Mata pelajaran Sejarah*. Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education 3 (2): 39-47.
- M. Kaviza. 2020. *Pelaksanaan Kelas Flipped dengan Sumber Digital dalam Mata Pelajaran Sejarah: Kesannya Terhadap Kemahiran Pemikiran Sejarah*. Journal of ICT in Education (JICTIE). 7 (1): 30-42.
- Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin, Pisol Maidin, Muhammad Yusri Yusof, Paiz Hassan, Hamdi Rahman Mohd Yaacob, Abd Munir Mohd Noh & Muhammad Imran Abd Razak. (2017). *Pandangan Ibnu Khaldun Berkaitan Kaedah Pendidikan Dalam Kitab Al-Muqaddimah*. Idealogy, 2(1): 26-35.
- Mohd Zamri Abdullah, Iskandar Daud & Muhammad Ridzuan Idris. 2019. *Kesan Pembelajaran Flipped Classroom Terhadap Sikap bagi Penyelesaian Masalah Bagi Algebra*. Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik (JUKU) 7(4).
- Muhammad Zulazi Mohd Nawawi, Azmil Hashim, dan Norhisham Muhammad. 2020. *Integrasi Penggunaan Teknologi Pelbagai Media oleh Guru Pendidikan Islam di Maahad Yayasan Islam Kelantan (The Integration of Use of Multimedia Technology among Islamic Education Teacher in the Kelantan Islamic Foundation Secondary School)*. Jurnal Sains Sosial dan Pendidikan Teknikal 1(1), 73-88.
- Muhammad Zulazi Mohd Nawawi & Azmil Hashim. 2021. *Tahap Kesiapan Guru Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Yayasan Islam Kelantan Terhadap Multimedia dalam Pengajaran*. Jurnal Sains Humanika. 13 (1): 1-10.
- Nahed Abdelrahman. 2016. Hybrid Learning: Perspectives of Higher Education. International Journal of Information Communication. 8 (1).
- Nazirah Hamdan Kamarul Azmi Jasmi. 2013. *Bentuk Metodologi Pengajaran Rasulullah SAW Dari Perspektif Pemikiran Imam al-Nawawi Menerusi Kitab Himpunan Hadis Empat Puluh*. Prosiding Seminar Pertama Pendidikan dan Penyelidikan Islam (SePPIM'13). 2013, hlm. 502-52.
- Nina Mohd Idrus & Nurfaradilla Mohamad Nasri. 2021. *Keberkesanan Kaedah Flipped Classroom Terhadap Kemahiran Mengolah Perenggan Mudah Dalam Kalangan Pelajar Tahun 1 Luar Bandar*. Jurnal Dunia Pendidikan. 3(3): 114-122.

- Noora Hamdan and Patrick McKnight, Katherine McKnight & Kari M. Arfstrom. 2012. *The Flipp Learning Model: A White Paper Based On The Literature Review Titled A Review Of Flipp Learning*.
- Noraini Mohamed Noh, Norazilawati Abdullah, Wong Kung Teck & Mahizer Hamzah. 2017. *Keberkesanan Pendekatan Flipped Classroom Dalam Pembelajaran Sains di Sekolah Rendah*. Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik. 7(2).
- Nur Aisyah Mohd Saufi, Wan Nur Anis Abdullah, Nur Hidayah Abdullah dan Prof. Madya Dr.Syed Najihuddin Syed Hassan. 2022. *Potensi Hibrid dalam Pelaksanaan Pembelajaran Hibrid di Institusi Pendidikan: Mendepani Cabaran Era Endemik*. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-7 (PASAK 7 2022) 2022, hlm. 427.
- Nur Hanani Hussin. 2015. *Pengajaran Ibadat dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam*. Tesis Dr Falsafah Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Othman Lebar. 2022. *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.
- Othman Talib. 2019. *Analisis Data Kualitatif dengan ATLAS.ti 8 Penerangan Lengkap Langkah Demi Langkah*. Penerbit Universiti Putra Malaysia. Serdang.
- Sarah Alia Mohamed Faisal dan Nor Hafizah Adnan. 2021. *Tahap Kesediaan dan Penerimaan Guru dalam Mempraktikkan Penggunaan Teknologi Digital IR 4.0 Sebagai Bahan Bantu Mengajar dalam Pendidikan Rendah*. International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE) 1(3).
- Sapie Sabilan, Mohamad Fuad Ishak, Suhana Mohamed Lip, Suziana Hanini Sulaiman & Shazarina Zdainal Abidin. 2022. *Tahap Kesediaan Guru-Guru Pendidikan Islam Melaksanakan Pembelajaran Teradun Berasaskan Kemahiran Teknologi*. Persidangan Seminar Antarabangsa Isu-isu Pendidikan ke-5 (ISPEN 2022). 2022, 5.
- Shah Rulbani Zakaria, Mohd Isa Hamzah, & Khadijah Abdul Razak. 2017. *Penggunaan ICT dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pensyarah Pendidikan Islam di Politeknik Zon Selatan*. Tinta Artikulasi Membina Ummah 3(1): 29-41.
- Shanta A/P Govindarajoo & Jamalul Lail Bin Abdul Wahab. 2019. *Tahap Keberkesanan Pelaksanaan Kaedah Bilik Darjah Songsang (Flipped Classroom) di Sekolah Menengah*. Jurnal Penyelidikan Pendidikan 20: 104-112.
- Susanti, L & Hamama Pitra. 2019. *Flipped Classroom Sebagai Strategi Pembelajaran Pada Era Digital*. Health & Medical Journal (Heme) 1 (2).
- Yap Leng Lee & Ruhizan Mohammad Yasin. 2019. *Keberkesanan Modul Flipped Classroom Terhadap Pencapaian Bahasa Jerman dan Keterlibatan Pelajar*. International Journal of Humanities, Philosophy, and Language. 2 (8): 249-265.